




UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA

*National University
of Malaysia*

STAB6143
BOTANI EKONOMI DAN ETNOBOTANI

**Laporan Lawatan Sambil Belajar ke
Kampung Bukit Kemboja, Langkawi dan
Taman Herba Negeri Perak pada
14 – 17 April 2016**

NAMA PELAJAR

SHAHRUL RIZAL BIN BAHARUDDIN

NUR AKTIKA BINTI JAMIL

NUR NASUHA BINTI HAMZANI

NURASYIKIN BT ZAINUDDIN

NO.PELAJAR

P81695

P81696

P81701

P81710

PENSYARAH: PROF. MADYA DR. AHMAD BIN ISMAIL

Pengenalan

Satu lawatan sambil belajar telah dijalankan oleh pelajar kursus STAB6143 (Botani Ekonomi dan Etnobotani) dan diringi pensyarah, Prof. Madya Dr. Ahmad bin Ismail dan 2 orang pegawai pada 14-17hb April 2016. Dua lokasi utama adalah Kampung Bukit Kemboja, Langkawi dan Taman Herba Negeri Perak.

Tujuan utama lawatan adalah untuk mendedahkan kepada para pelajar tentang asas berkaitan kajian etnobotani berserta menambah pengetahuan tentang tumbuhan yang selalu digunapakai oleh masyarakat setempat. Kajian etnobotani merujuk kepada kajian interaksi antara manusia dengan tumbuhan. Ianya menerangkan hubungan antara individu atau sesuatu masyarakat tempatan dengan tumbuhan di sekeliling mereka dari segi penggunaannya dalam corak kehidupan yang pelbagai. Masyarakat tempatan merujuk kepada golongan pribumi atau masyarakat yang ada hubungan erat dengan hutan dan arif dengan kegunaan tumbuhan.

Seperti dinyatakan sebelum ini, lawatan ini melibatkan dua lokasi iaitu Kampung Bukit Kemboja di Langkawi dan Taman Herba Negeri Perak. Lawatan di Kampung Bukit Kemboja melibatkan kajian lapangan berkaitan dengan etnobotani. Pelajar dipecahkan kepada 4 kumpulan dan setiap kumpulan akan membuat lawatan sekurang-kurangnya 2 buah rumah. Di setiap rumah, pelajar dikehendaki bersoal selidik tentang tumbuhan yang digunapakai untuk kegunaan seharian samada dari segi masakan, ubatan atau kegunaan lain.

Dalam pada itu, lawatan di Taman Herba Negeri Perak pula lebih menjurus tentang pengenalan dan pengecaman tumbuhan ubatan yang terdapat disekitar taman ini. Sepanjang Lawatan di taman ini, banyak maklumat baru dan bermanfaat berkaitan tumbuhan herba ditemui.

Tentatif program

14hb April 2016

9.00 malam : Berkumpul di foyer Sains Biologi

10.00 malam : Bertolak ke Langkawi menaiki Bas UKM

15hb April 2016

6.00 pagi : Tiba di Kuala Perlis

8.00 pagi : Sarapan pagi

10.00 pagi : bertolak dari Jeti Kuala Perlis menaiki Feri ke Pulau Langkawi

11.00 pagi : Selamat tiba di Jeti Pulau langkawi

11.30 pagi : Berangkat ke tempat penginapan.

4.00 petang : Berjumpa dgn wakil dari Kampung Bukit Kemboja

16hb April 2016

8.00 pagi : Berangkat ke Kampung Bukit Kemboja

9.00 pagi : Taklimat dari En.Bakri berkenaan dgn latarbelakang Kampung Bukit Kemboja

9.30 pagi : Pelajar di pecahkan kepada 4 kumpulan dan setiap kumpulan dibahagikan kepada setiap rumah untuk kajian lapangan berkaitan dengan etnobotani.

11.00 pagi : Kajian lapangan selesai

4.00 petang : Berangkat pulau untuk lawatan ke Taman Herba Negeri Perak

11.00 malam : Selamat tiba di Hotel penginapan

17hb April 2016

8.30 pagi : Berangkat ke Taman Herba Negeri Perak

9.00 pagi : Tiba di Taman Herba Negeri Perak

9.15 pagi : Taklimat dan ceramah berkaitan tumbuhan ubatan oleh Puan Puan Azizah Meor Hashim

10.30 pagi : Aktiviti melawat sekitar taman herba

12.00 pagi : Sesi pembentangan dari setiap kumpulan

12.30 tengah hari : Selesai lawatan dan berangkat pulang ke UKM

Kajian di Kampung Bukit Kemboja, Langkawi

Kronologi perjalanan Kajian di Kampung Bukit Kemboja Langkawi

15/4/16 (Jumaat)

- Berbincang mengenai tentatif perjalanan kajian bersama Setiausaha Kampung Bukit Kemboja iaitu Encik Bakri pada pukul 4.30 petang

16/4/16 (Sabtu)

- Mendengar taklimat mengenai demografi kampung Bukit Kemboja dari Pengerusi JKKK iaitu Encik Md Nayan bersama Encik Bakri
- Setiap kumpulan mengkaji satu buah rumah yang telah ditetapkan oleh Encik Md Nayan. Perjalanan program bermula dari pukul 9 pagi dan berakhir pukul 12 tengahari.

- Sekitar sesi taklimat bersama Pengerusi JKKK Kampung Bukit Kemoja iaitu Encik Md Nayan bersama setiausahanya iaitu Encik Bakri





Tarikh: 16 April 2016 (Sabtu)

Responden	 • Puan Rozita Mohd (54 tahun) • Encik Mohd Ismail Abdullah (57 tahun)
Pekerjaan	Guru
Bilangan isi Rumah	6 orang (4 orang anak)
Cabaran dalam mengendalikan tanaman	Kekangan masa (Masa yang padat di sekolah dan kerja luar sebagai guru)

Jenis tumbuhan yang ditanam bagi sumber makanan dan nilai perubatan yang diketahui

Pisang	• Sumber makanan (karbohidrat)
Pucuk Cemumar	• Ulanan • Mandian untuk wanita selepas bersalin • Masalah utama: Bena/Ulat putih. • Kaedah: Menggunakan Air beras bagi merawat pucuk yang terkena jangkitan
Nenas batu	• Rebusan air digunakan bagi melancarkan peredaran darah
Daun lemuni	• Daun yang berwarna ungu • Kebiasaannya daunnya digunakan dalam membuat nasi lemak • Batang daun lemuni digunakan sebagai senduk untuk mengacau nasi lemak dan setelah masak, batang nya di letakkan dalam nasi lemak bagi menaikkan rasa dan bau
Daun mambu	• Mengubati masalah cacingan dan sakit kuning • Daun nya direbus, di tapis dan digunakan untuk mandian. Air nya dilumur pada badan dan biarkan kering dengan sendiri.
Pokok cepa	• Daun nya dibuat mandian bagi wanita selepas bersalin • Ia juga digunakan sebagai melapik tungku bagi wanita selepas bersalin
Pokok kapal terbang	• Daun nya dibuat mandian bagi wanita selepas bersalin • Bagus bagi merawat luka dengan cara daunnya di campurkan dengan kapur. • Boleh menyebabkan keras urat bagi wanita baru lepas bersalin akibat ketidakstabilan pengambilannya
Serunai	• Daun nya dibuat mandian bagi wanita selepas bersalin
Pandan	• Selain digunakan dalam masakan, ia juga digunakan sebagai melapik tungku bagi wanita selepas bersalin
Daun senduduk / dipanggil sebagai daun keduduk sesetengah komuniti	• Bagus bagi merawat sakit perut
Pokok inai	• Hiasan jari wanita • Direbus dan digunakan dalam masakan untuk kesihatan


Daun kaduk/miakam	• Digunakan dalam masakan terutamanya dalam masakan Mee Siam
Serai	• Bagi merawat sakit tekak, serai digunakan bersama garam
Asam gelugur	• Digunakan dalam masakan
Daun belalai gajah	• Digunakan dalam menangani kanser
Daun delima	• Pucuknya digunakan bagi menyejukkan badan
Daun ketum	• Digunakan sebagai ubat. • Namun harus dibuang tulang daun dibahagian belakang daun bagi mengelakkan halusinasi
Mulberry	• Berupaya merawat demam panas, membersihkan tubuh badan, merangsang peluh, Merawat Asma, merawat sistem pernafasan, selsema, ubat batuk dan ubat mencuci mata.


**Sesi ramah mesra, soal jawab dan pertukaran maklumat bersama Puan Rozita Mohd dan
Encik Mohd Ismail Abdullah**







**Gambar sekitar pemandangan rumah Puan Rozita Mohd dan Encik Mohd Ismail
Abdullah yang padat dengan tanaman**













Lawatan Ke Taman Herba Perak, Batu Gajah.

Aktiviti-aktiviti di taman herba perak

Aktiviti 1: Penerangan oleh Puan Azizah mengenai tanaman herba

Aktiviti pertama di taman herba perak adalah penerangan oleh Puan Azizah yang pernah menjawat sebagai jawatan pegawai pertanian. Taman Herba ini terletak di Kampung Kepayang Negeri Perak Darul Ridzuan. Berkeluasan 22 hektar dan mempunyai 527 spesies tumbuhan herba. untuk pelbagai kegunaan seperti perubatan, aromatherapi, dan kosmetik, termasuk sebagai ulam dan rempah. Taman Herba ini turut dilengkapi dengan kemudahan seperti *trem*, tapak perkhemahan, surau dan dewan taklimat, Kedudukannya yang terpencil juga sesuai bagi aktiviti seperti memancing. Puan Azizah telah memberi penerangan yang jelas tentang tanaman herba beserta kegunaannya dan khasiat dari segi perubatan. Terdapat 14 jenis tumbuhan herba yang didedahkan kegunaannya dan khasiatnya oleh Puan Azizah. Selepas penerangan oleh Puan Azizah, Dr. Ahmad Ismail mewakili pelajar UKM menyampaikan hadiah dan saguhati kepada Puan Azizah. Berikut merupakan senarai spesies tanaman beserta kegunaan dan khasiatnya.

SPESES TANAMAN HERBA	KEGUNAAN DAN KHASIAT
Kecubung (<i>Datura metel</i>) 	• Daunnya digunakan untuk merawat sakit angin pasang • Caranya: sapu daun dengan minyak masak atau lalukan diatas api dan diletakkan di ari-ari, • beracun jika dimakan pada jumlah yang besar- mengandungi alkaloid tropana

Keremak merah (*Alternanthera sessilis*)



- berfungsi menurunkan paras kolestrol dalam darah
- Caranya: pucuk daun direbus dan dijadikan minuman untuk menurunkan paras kolestrol
- Dimakan sebagai sayur oleh penduduk di Sri Lanka, Bangladesh, IndoChina, Malaysia dan Indonesia.

Pokok batu karang/pecah beling
(*Strobilanthes crispus*)



- Daunnya digunakan secara tradisional untuk merawat kanser, kencing manis serta batu karang dan juga sebagai agen diuretik.
- Ekstrak pecah beling bertindak secara efektif untuk merencatkan pertumbuhan sel kanser kolon, kanser hati dan kanser buah dada.
- Caranya: Daun direbus dan dijadikan minuman.

Kaduk (*Piper sarmentosum*)



- Daunnya menyerupai pokok Sirih tetapi berbeza dengan pokok sirih
- Air yang direbus dengan akar pokok ini dapat melawaskan kencing
- Daunnya mujarab untuk merawat demam malaria dengan minum air rebusannya.
- Air rebusan ini juga berkhasiat bagi melegakan batuk-batuk, selsema, sakit pinggang, sakit gigi dan sengal-sengal tulang.

Pokok ati-ati (<i>Coleus sp.</i>) 	• Mengubati batuk terutama dikalangan orang-orang dewasa dengan cara menggiling beberapa helai daun ati-ati kemudian campur dengan air sebelum ditapis dan diminum dua kali sehari. Cara ini juga boleh digunakan untuk merawat sembelit • Mengubati penyakit lelah dengan cara menggiling hingga halus dan di sapu pada dada sehingga paras lutut.
Ketupang air/sireh raja/sireh bunian/sireh cina (<i>Piper pellucida</i>) 	• Baik untuk merawat rabun mata dan memecahkan batu karang. • Di ambil sebagai ulam segar/salad di sesetengah tempat • Keseluruhan tumbuhan ini digunakan dalam penyediaan ramuan herba rawatan penyakit tertentu seperti gout dan masalah sendi
Mahkota dewa (<i>Phaleria macrocarpa</i>)	• Pokok Mahkota Dewa hanya sebagai hiasan halaman rumah dan buahnya beracun • Digunakan sebagai dadah tunggal atau sebagai campuran bersama herba-herba lain untuk menguatkan kesannya dan untuk meneutralkan racun.

	• Buah hijau belum matang serta buah masak merah boleh diracik dan dikeringkan dibawah matahari. Ambil satu sudu (tidak lebih) isi yang dah diracik dan dikeringkan lalu campurkan kedalam segelas air panas mendidih untuk dijadikan minuman rendaman.
Pokok bunga kertas (<i>Bougainvillea sp.</i>) 	• Bunga dan batang dapat dimanfaatkan untuk mengobati beberapa penyakit seperti bisul, gatal-gatal, hepatitis, haid tidak teratur dan hepatitis. • Daun ditumbuk dan ditampal di tempat yang terkena bisul. • Bunga dan ranting dikeringkan dan dibuat teh untuk mengobati haid yang tidak teratur
Dukong anak (<i>Phyllanthus nirui</i>) 	• Sejenis pokok herba dan sering ditanam dikawasan sekitar rumah • Digunakan sebagai herba perubatan tradisional untuk merawat penyakit kencing manis dan penyakit berkaitan hati. digunakan untuk mengubat penyakit berak berdarah (dysentery) yang kronik • Buahnya digunakan untuk mengubati luka, , penyakit kudis buta (scabies) dan kurap.
Pokok lelipan (<i>Pedilanthus tithymaloides</i>)	• Batangnya ditumbuk dijadikan salap untuk digunakan sebagai ubat sakit sendi dan sakit



kepala.

- Getah ini beracun kalau termakan, hanya sesuai untuk kegunaan luaran sahaja. Getah yang keluar dari bahagian daun boleh digunakan untuk mengurangkan bengkak kerana patah tulang dan bisul serta menghalang luka berdarah.
- Getah juga disapukan pada bekas gigitan lipan untuk mengurangkan bisa dan bengkak.

Pokok lemuju (*Plectranthus amboinicus*)



- Merapi dan menyihatkan rambut dengan cara meramas beberapa helai daunnya dan dilumurkan pada kepala
- Jus atau ekstrak airnya boleh digunakan untuk merawat kembung perut dan angin dalam badan

Pokok ara tanah (*Euphorbia hirta*)



- bersifat anti-inflamasi, diuretik (peluruh kencing) dan anti-piretik.
- sangat popular sebagai ubat tradisional bagi penyakit asma/ lelah serta masalah paru-paru
- Kaya dengan berbagai kandungan kimia yang seperti myricyl alkohol, taraxerol, friedlin, beta amyirin, euforbol, triterperoid, eufol, tirukalol, eufosterol.

Pokok tunjuk langit (*Helminthostachys*

- Pati sari buah tunjuk Langit dikatakan dapat

zeylanica)



meningkat peredaran darah dan kulit

- Mengandung flavonoids yang merangsang pembukaan pembuluh darah, membekalkan oksigen dan nutrisi keseluruh badan, agen anti –pengoksidaan.
- Mengandung saponin yang bertindak seperti sabun /pelincir yang mengurangkan lemak dan kolesterol pada dinding salur darah.

Pokok belimbing tanah (*Tacca cristata*)



- Air rebusan akar tumbuhan ini digunakan secara tradisi untuk merawat penyakit darah tinggi, buasir dan juga sebagai air mandian bagi perawatan wanita selepas bersalin iaitu untuk membuang angin dalam badan
- Air rebusan ubi dan akarnya yang dicampur dengan pokok Selayar Hitam (*Goniothalamus malayanus*) dikatakan boleh menguatkan buah pinggang.
- Pelepah daun nya pula boleh digunakan untuk merawat gatal-gatal pada kulit akibat terkena ulat bulu.



Penyerahan cenderamata oleh Dr Ahmad kepada Puan Azizah di akhir sesi penerangan mengenai tumbuhan herba serta khasiatnya.

Aktiviti 2: Melawat ke Taman Warisan di Taman Herba Perak

Selesai daripada program pengenalan ataupun ‘briefing’ dari pegawai di Taman Herba Perak; Puan Azizah, kami dibawa ke tiga buah mini taman herba yang dinamakan Taman Warisan 1- Taman Warisan 3 dimana terdapat pelbagai tumbuhan perubatan, perhiasan dan lain-lain ditanam sebagai satu landskap. Terdapat lebih daripada 80 spesies yang telah ditanam di ketiga-tiga taman warisan ini yang terdiri daripada tanaman hiasan, tanaman herba, tanaman ubatan dan juga tanaman tumbuhan beracun. Berikut adalah diantara nama-nama dan gambar tanaman yang terdapat di ketiga-tiga taman tersebut:

Nama saintifik	Nama tempatan
<i>Datura metel</i>	Kecubung
<i>Laurentia longiflora</i>	Dedalu cina
<i>Ficus deltoidea</i>	Mas cotek
<i>Heliconia</i> sp.	Pokok sepiit udang
<i>Crinum</i> sp.	Tembaga suasa
<i>Centella asiatica</i>	Pegaga
<i>Sthenodesme Temtanara</i>	Subang nenek
<i>Zebrina pendula</i>	Zebrina
<i>Vanilla planifolia</i>	Vanilla
<i>Acalypha Hispida</i>	Ekor kucing
<i>Kaemfera</i> sp.	Cekur mas
<i>Pareslia saecnarosa</i>	Duri bintang tujuh
<i>Turnera ulmifolia</i>	Lidah kucing
<i>Bauhinia purpurea</i>	Pokok rama-rama
<i>Houttuynia cordata</i>	Hanyir ikan
<i>Vigna sesquipedalis</i>	Kacang panjang
<i>Piper nigrum</i>	Lada hitam
<i>Melastoma Imbricatum</i>	Senduduk
<i>Polyscias scutellaria</i>	Puding semangkuk
<i>Brucea amarissim</i>	Melada pahit
<i>Barleria lupulina</i>	Bisa ular
<i>Sansevieria trifasclata</i>	Lidah jin
<i>Tetrasigma</i> sp.	Tetrasigma
<i>Iris pseudacarus</i>	Haba neraka
<i>Cyperus involucratus</i>	Pokok payung Ali
<i>Kalanchoe</i> sp.	Pulih dara
<i>Acalypha siamensis</i>	Teh kampong
<i>Derris elliptica</i>	Tuba

<i>Dieffenbachia</i> sp.	Keladi ular
<i>Asplenium niduri</i>	Sakat-sakat
<i>Pedilanthus tithym</i>	Jari lipan
<i>Tinospora crispa</i>	Patawali
<i>Paederia foetida</i>	Sekentut
<i>Carissa carandas</i>	Buah asam renda
<i>Salacca zalacca</i>	Pokok salak
<i>Synsepalum dulcificum</i>	Pokok ajaib
<i>Tetracera scandes</i>	Mempelas
<i>Andrographis paniculata</i>	Hempedu bumi
<i>Zingiber ottensii</i>	Lempoyang hitam
<i>Senna alata</i>	Gelenggang
<i>Stenotaphrum helferi</i>	Dada lipan
<i>Zizyphus mauritiana</i>	Pokok bidara
<i>Ananas comosus</i>	Nenas batu
<i>Aquilaria malaccensis</i>	Karas gaharu
<i>Melia indica</i>	Pokok nim
<i>Phyllagathis rotundfolia</i>	Tapak Gajah
<i>Averrhoa bilimbi</i>	Belimbing buluh
<i>Piper pellucidum</i>	Ketumpang air
<i>Cinnamomum zeylanicum</i>	Kayu manis
<i>Alpinia galangal</i>	Lengkuas
<i>Cissus quadrangularis</i>	Patah tulang



Ekor kucing



Haba neraka



Mas cotek



Lidah jin



Kecubung



Patah tulang

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, lawatan ini boleh dianggap berjaya mencapai objektif terutama dalam mendedahkan para pelajar tentang tumbuhan yang berkait rapat dengan masyarakat setempat. Pelbagai tumbuhan ubatan juga dipelajari berkaitan kegunaan dan khasiatnya terutama di Taman Herba Negeri Perak. Melalui lawatan ini juga, para pelajar didedahkan bagaimana untuk berkomunikasi dengan masyarakat luar terutama di Kampung Bukit Kemboja dan hubungan sesama pelajar juga bertambah erat.

Tetapi, sedikit pandangan skeptikal harus disemat kepada penerangan dan juga kegunaan tradisional yang telah diamalkan oleh masyarakat Melayu turun-temurun kerana ada di antara tumbuhan yang dikatakan ada sifat perubatan tidak dibuktikan dengan kajian saintifik.

Diharapkan hasil dari lawatan ini, pelajar mendapat manfaat dan ilmu yang diperolehi dapat dikongsi bersama pada masyarakat umum.